

Artikel Penyelidikan

Yantzen: Sorotan Kehidupan Seorang Rocker.

Noor Arina Md Arifin^{1,*}, Noor Rahmawati Alias², Shahira Sarmila Sharudin³, dan Ungku Nur Aqilah Hidayah Ungku Abdul Halim⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my  0000-0002-2900-0026

² UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

³ UiTM Cawangan Kelantan; shahiraofficial99@gmail.com;

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; ungkuaqilah99@gmail.com

* Correspondence: arina848@uitm.edu.my; +60179620049.

Abstrak: Kajian ini adalah berasaskan kepada temubual bersama artis legenda tanah air Yantzen bin Juniwan. Beliau merupakan seorang penyanyi dan pelakon lelaki berasal dari Singapura. Beliau terkenal sebagai mantan vokalis kumpulan rock Rusty Blade pada akhir 80-an. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kerjaya beliau yang sudah hampir menjangkau 40 tahun berkecimpung dalam industri seni tanah air. Beliau merupakan mantan vokalis kumpulan May dan pernah beberapa kali mengeluarkan album solo di era 90an. Beliau juga pemah membuka sebuah kedai jualan kaset di Joo Chiat Complex (Singapura). Pada tahun 2020 Yantzen adalah salah seorang daripada 14 peserta Gegar Vaganza musim ketujuh, sebuah rancangan televisyen realiti muzik Malaysia terbitan Astro yang menyaksikan penyanyi profesional lama atau berpengalaman dalam industri muzik di Malaysia bersaing dalam satu pertandingan nyanyian. Temubual ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau dalam bidang perniagaan. Selain itu, temubual ini juga memaparkan pandangan peribadi beliau mengenai industri seni di negara kita dan perbezaan artis-artis semasa era beliau dan masa kini. Cadangan dan harapan beliau tentang industri seni warisan tanah air juga turut dikupas.

Kata kunci: Yantzen Juniwan, Penyanyi, Rock, Muzik, Veteran.

DOI: 10.5281/zenodo.13968767



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Istilah artis veteran merupakan panggilan bagi seorang artis yang telah banyak memberi sumbangan dalam dunia seni tidak kira dari segi lakonan, nyanyian atau tarian dan sebagainya. Bukan itu sahaja, mereka juga yang terlibat dalam dunia seni kebanyakannya akan digelar seniman dan seniwati. Penglibatan artis veteran dalam dunia hiburan merupakan jasa dan sumbangan besar terhadap dunia hiburan di tanah air kita. Walaupun begitu, penglibatan mereka dalam aktiviti seni seperti nyanyian dan lakonan semakin lama semakin berkurangan oleh kerana peredaran masa dan faktor umur. Hal yang demikian membuatkan segelintir daripada mereka semakin lama semakin hilang dari dunia hiburan lalu dilupakan oleh generasi yang mendatang.

Kajian ini telah memberi peluang keemasan kepada pengkaji untuk mencungkil dengan lebih mendalam tentang rahsia di sebalik kejayaan seorang seniman veteran iaitu Encik Yantzen Bin Juniwan dalam bidang seni muzik. Penglibatan beliau sudah menjangkau hampir 40 tahun dalam industri seni tanah air. Hal ini telah memberi beliau banyak peluang dan pengalaman tentang selok-belok dunia seni yang mencabar terutamanya untuk kekal relevan dan diingati sepanjang masa terutama dalam

genre muzik rock. Beliau merupakan penyanyi kumpulan rock yang amat disegani pada suatu masa dahulu. Bahkan, pengalaman beliau menganggotai beberapa kumpulan rock terkenal seperti Rusty Blade dan May menunjukkan bahawa bakat yang dimiliki tidak perlu diragukan lagi. Hasil pengalaman yang lama dalam dunia seni telah membuatkan beliau sering menjadi idola bagi anak muda yang bermimpi untuk menceburi bidang nyanyian terutama dalam genre rock.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa terdapat banyak kumpulan-kumpulan penyanyi rock yang ada di Malaysia sekitar tahun-tahun 1980-an sehingga akhir 2000 oleh kerana muzik rock amat diminati majoriti masyarakat kita pada ketika itu. Hal ini menjadikan banyak kumpulan penyanyi baru yang tumbuh bak cendawan selepas hujan disebabkan oleh sokongan yang diterima dari pencinta muzik tanah air. Antara muzik yang sering dilihat pada zaman itu terdiri daripada pelbagai jenis genre seperti tradisional, klasik, rock and roll, pop, alternatif, dan nasyid. Justeru itu, lahirlah ramai seniman dan seniwati yang kini majoritinya digelar artis veteran yang telah banyak memberi sumbangan dalam industri hiburan di Malaysia.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kekurangan dokumentasi berbentuk akademik atau bahan ilmiah berkenaan artis muzik rock tanah air merupakan faktor utama mengapa kajian ini dijalankan. Bahan bacaan yang menawarkan informasi berkenaan seniman veteran atau artis tanah air kebanyakannya adalah dari sumber bacaan hiburan berbentuk majalah serta keratan akhbar di samping media sosial yang semakin bercambah menghidangkan pelbagai informasi hiburan. Justeru itu, pengkaji berhasrat untuk menjadikan kajian ini sebagai salah satu wadah bagi memeriahkan lagi sumber bacaan ilmiah berkenaan karyawan seni muzik tanah air agar suatu hari nanti kajian ini mampu menyumbang kepada dunia penyelidikan dengan informasi yang sahih bagi rujukan ramai.

Kajian ini bertujuan untuk mengenali lebih dekat Encik Yantzen Juniwan daripada sumber primer iaitu daripada hasil perbualan bersama beliau sendiri, selain beberapa bahan rujukan sekunder yang dianggap mampu memberikan maklumat yang tepat mengenai latar belakang peribadi beliau seperti bidang kerjaya beliau sebagai cabaran yang dihadapi sebagai anak seni. Kajian ini adalah merupakan salah satu usaha untuk menunjukkan rasa penghargaan kepada artis muzik Malaysia terhadap peranan dan usaha mereka dalam mewujudkan warna-warni seni muzik tempatan serta menzahirkan sikap ambil berat kepada artis veteran walaupun dalam kemunculan ramai artis baru di persada muzik tanah air. Hasil kajian ini juga diharapkan akan menjadi bahan bacaan ilmiah yang mampu memberikan gambaran umum mengenai industri muzik rock di Malaysia. Hasil kajian ini sudah tentu berupaya dijadikan bahan penyelidikan bagi bidang seni muzik tanah air bagi para pengkaji di masa akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan artis veteran muzik rock tanah air Encik Yantzen Juniwan. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti yang dinyatakan bawah:

- i. Untuk meneliti sejarah permulaan, perjalanan, pencapaian dan pengalaman penyanyi veteran Yantzen Juniwan sepanjang berkecimpung di dalam industri seni tanah air selama empat dekad.

- ii. Untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan, kebolehan dan kemahiran Yantzen Juniwan di luar bidang seni yang menjadikan ia sebagai sumber pendapatan terkini.
- iii. Untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh tokoh ini berkaitan kerjayanya sebagai penyanyi yang terkenal di Malaysia terutamanya selepas pandemik Covid-19.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai soalan-soalan yang sangat penting untuk membantu dalam mencari maklumat yang digunakan untuk mencapai objektif-objektif kajian. Soalan-soalan tersebut adalah seperti yang telah dinyatakan di bawah:

- Apakah latar belakang tokoh dan keluarga?
- Bagaimanakah sejarah penglibatan tokoh dalam bidang seni?
- Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh dan cabaran yang dihadapi selama berkecimpung dalam bidang seni?
- Apakah harapan tokoh kepada industri seni tanah air terutama bagi nasib artis-artis veteran yang lain?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Setelah selesai sesi temubual bersama seniman Yantzen Bin Juniwan, penyelidik dapat memperincikan secara jelas impak kajian yang telah diperoleh daripada kajian yang dijalankan ini. Apa yang penyelidik lihat melalui temubual ini adalah bakat yang dikurniakan kepada penyanyi rock legenda Yantzen Juniwan telah membuka mata masyarakat tentang bernilainya memiliki penyanyi yang berbakat besar berjuang membawa muzik rock memasuki tanah air dan akhirnya diterima oleh masyarakat tempatan terdahulu.

Hasil kajian ini juga telah memberikan informasi baru mengenai liku-liku dan pengalaman suka duka yang harus dihadapi oleh seniman veteran sebelum berjaya memulai kerjaya di dalam industri muzik tanah air. Secara jelasnya, ia bukan sesuatu yang mudah terutamanya bagi seseorang yang bukan datang daripada keluarga seni. Namun, sifat tidak mudah mengalah anak seni ini tidak menjadikan ia sebagai satu alasan untuk berputus asa bagi memperjuangkan mimpiya. Bahkan perkara ini telah menjadi satu pemangkin dan batu loncatan untuk beliau terus mengorak langkah sebagai anak seni sehingga kini yang berjasa memperkenalkan muzik rock pada era 80an.

Dalam pada itu, hasil kajian ini juga telah membuka mata penyelidik untuk lebih menghargai jasa dan sumbangan anak-anak seni terutama artis veteran di negara ini yang telah banyak mengharumkan nama negara di persada dunia dengan bakat-bakat mereka yang luar biasa. Walaupun sudah melebihi 4 dekad di dalam industri seni tanah air, seniman veteran ini juga tidak pernah sesekali berputus asa untuk memberikan persembahan yang terbaik ketika berada di atas pentas. Malah, kebanyakannya daripada mereka sentiasa memberikan yang terbaik ketika membuat persembahan sebagai artis jemputan walaupun sudah tidak lagi aktif di dalam dunia seni. Ini secara jelasnya menunjukkan sikap profesionalisme seorang seniman veteran yang kebanyakannya daripada mereka sudah semakin dilupakan di dalam industri seni tanah air.

Penyanyi veteran seperti beliau selayaknya diangkat kerana beliau juga adalah lagenda penyanyi rock tanah air yang menjadi banyak inspirasi sesetengah masyarakat. Tempoh masa selama 40 tahun dalam industri bukan suatu jangka masa yang pendek. Beliau juga selayaknya mendapat pelbagai anugerah dan nilai sewajarnya berdasarkan kualiti bakat yang diperolehnya.

6. TINJAUAN LITERATUR

Setelah temubual bersama penyanyi lagenda Yantzen Bin Juniwan secara bersempuka, penyelidik berpendapat bahawa kebanyakannya artis veteran termasuklah Yantzen sendiri sewajarnya diberi peluang untuk membuat kemunculan kembali dan mendapat peluang dimana-mana pentas di negara ini. Hal ini kerana mentaliti masyrakat zaman sekarang hanya menganggap bahawa seniman yang telah lanjut usia sudah tidak lagi diperlukan di dalam industri seni. Dalam pada itu, stigma ini telah membuatkan ramai seniman veteran di negara ini rasa seperti tidak dihargai setelah jasa yang telah ditaburkan mereka berpuluhan-puluhan tahun mengangkat seni tanah air diperkotak-katikkan. Menerusi penulisan daripada Berita Harian digital yang ditulis oleh Faridah Shalla dan Serimah Mohd Sallehuddin (2021) yang diberi tajuk “Artis Veteran Susut Nilai” itu amat jelaslah bahawa industri seni tanah air yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu termasuklah isu bayaran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman yang ditonjolkan oleh mereka. Sementara itu, sesetengah daripada mereka juga mendakwa diperlekehkan oleh syarikat produksi itu sendiri memberi bayangan rendahnya nilai diberi segelintir penggerak industri kreatif terhadap insan seni ini.

Di samping itu, menurut laporan Mstar iaitu sebuah platform majalah dalam talian melaporkan bahawa Yantzen atau nama sebenarnya Yantzen Juniwan berkata dia menerima hakikat zaman kegemilangannya sudah lama berlalu tambahan pula kehadiran penyanyi-penyanyi baru yang mewarnai industri hiburan ketika ini tidak langsung melenyapkan penyanyi-penyanyi lama. Hasil daripada nukilan artikel ini kami mendapati bahawa beliau telah akur dengan kebiasaan masyarakat kita yang menyisihkan artis-artis berbakat besar seperti beliau. Beliau juga turut mengingatkan bahawa kumpulan Rusty Blade juga masih wujud dan tidak berpecah malah ahli kumpulan hanya sibuk dengan kerja sendiri yang menampakkan seperti band itu pupus (Feride Hikmet Atak, 2012). Namun menurut sumber artikel, Yantzen menyatakan beliau tidak sedikit pun merasa sedih kerana sekurang-kurangnya masih ada orang yang ingat pada lagu-lagu nyanyian beliau yang pernah hit di zaman kegemilangan beliau. Malah Yantzen juga mengakui undangan membuat persembahan di majlis besar dan kecil masih banyak biarpun ia tidak mendapat liputan media (Mohd Al Qayum Azizi, 2014).

Kami juga mendapati sesetengah artis apabila sudah tidak mendapat tempat di industri seni. Mereka lebih gemar melakukan kerja-kerja amal bagi mengisi masa lapang. Hal ini berlaku juga pada Yantzen Juniwan. Laporan daripada Mstar (2014) juga menyatakan bahawa Yantzen kini beliau lebih banyak terlibat dengan aktiviti amal. Dijelaskan bahawa Yantzen juga turut menubuhkan sebuah pertubuhan bagi tujuan amal kebajikan dan berusaha mengajak golongan belia untuk sama-sama dalam menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. (Mstar, 2014). Sementara itu, dikatakan Yantzen juga tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menghasilkan album terbaru kerana sedar dengan masalah kejatuhan penjualan album yang dihadapi oleh industri muzik tempatan (Mohd Al Qayum Azizi, 2014).

Hal yang demikian telah membuatkan ramai artis veteran di luar sana yang bertungkus lumus sehingga sekarang masih menuntut ilmu-ilmu baru yang harus diaplikasikan dalam bakat mereka seiring dengan perubahan zaman demi mendapat tempat dalam industri seni Malaysia. Perkara ini boleh dilihat menerusi artikel yang diterbitkan oleh Berita Harian bertajuk "Ruang 'rocker' Singapura Yantzen rai nostalgia, buru ilmu baru" oleh seorang jurnalis Haryani Ismail (2020) telah mencoretkan tentang semangat penyanyi rock itu dalam memburu ilmu baru. Walaupun Yantzen sudah menjangkau usia 61 tahun pada ketika itu telah menempuh lebih tiga dekad berpangkalan dalam industri seni di Kuala Lumpur, bersyukur rezekinya dalam bidang seni sentiasa bertali arus. Beliau bahkan ditawarkan beberapa kali untuk menyertai rancangan Gegar Vaganza namun beliau membuat keputusan untuk menyertainya pada musim ketujuh dek ingin mencuba sesuatu yang baru mengikuti arus kemodenan dan minat anak-anak muda masa kini (Haryani Ismail, 2020).

Menerusi artikel dalam talian Berita Mediacorp dapat dijelaskan bahawa penglibatan Yantzen dalam pertandingan nyanyian Gegar Vaganza musim ketujuh anjuran televisyen Astro telah mengejutkan ramai pihak terutama peminat yang sudah lama menanti kemunculan beliau di televisyen. Antara sebab-sebab beliau membuat keputusan untuk menyertai pada musim ketujuh rancangan itu adalah kerana beliau merasa musim ketujuh merupakan angka yang terbaik bagi Yantzen sendiri. Beliau juga tidak berharap sebarang kemenangan oleh kerana empat belas peserta lain yang bertanding merupakan seniman dan seniwati yang hebat dan berpengalaman. Namun begitu, Yantzen juga mengakui tidak merasa tertekan oleh kerana beliau lebih merisaukan soal „terlupa lirik“ atau melodi sewaktu membawakan lagu-lagu penyanyi lain. Apa yang lagi mengejutkan apabila Yantzen mengaku bahawa beliau tidak pernah menyanyikan lagu penyanyi lain untuk berpuluhan tahun dan berharap dapat memberi fokus pada setiap lagu yang bakal disarankan di dalam pertandingan tersebut (Freda Hassan, 2020).

Bukan itu sahaja, nukilan daripada artikel dalam talian "Edisi 9" juga berpendapat bahawa penglibatan artis veteran dalam Gegar Vaganza telah memberi ruang dan menjadi peranan besar selaku penghubung yang „menyatukan“ peminat dunia seni hiburan tanah air bersama artis veteran yang sekian lama tidak mewarnai pentas nyanyian. Apa yang lagi menarik pertandingan ini adalah ia tidak bersandarkan kepada lagu-lagu popular artis semata-mata, bahkan pengalaman dan reputasi juga turut menjadi antara kriteria utama yang ditimbang tara. (Zaid Adnan, 2020).

Sementara itu, penglibatan Yantzen di dalam pertandingan nyanyian ini telah mendapat sokongan dan semangat daripada ramai pihak terutama ahli keluarga beliau. Dalam satu wawancara bersama Berita Harian, Yantzen menjelaskan kerinduannya yang amat dalam terhadap anak tunggalnya yang dikenali sebagai Alif (Berita Harian Sg, 2020). Di sesi sidang akhbar GV7 beliau mendapat pujiannya kerana masih mengekalkan suara emasnya dan sebagai seorang artis veteran yang berpengalaman, Yantzen juga telah mencuri perhatian ramai dengan persembahan yang masih bertenaga dan berbisa (Aqmar Mustaza, 2020). Walaupun dipuji tahap penjiwaan terhadap lagu yang dibawa namun beliau terpaksa akur nasib tidak menyebelahi Yantzen apabila beliau gagal ke minggu suku akhir pertandingan (Nur Asyikin Mayudin, 2020). Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan terhadap peminat yang menyokong atas peluang untuk beliau bertanding lagi di atas pentas selepas 40 tahun (Fiza Kamarudin, 2020). Tempoh 40 tahun di dalam industri muzik tanah air

bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai oleh kerana arus muzik yang kian berubah mengikut peredaran zaman.

Dalam pada itu, bak mutiara kata lumrah kehidupan manusia pasti tidak terlepas daripada ujian apabila baru-baru ini menerusi Berita Harian memaklumkan bahawa penyanyi lagenda rockers itu telah ditimpa ujian banjir yang membuatkan kediamannya mengalami sembilan puluh peratus kerosakan. Walaubagaimanapun, beliau tetap bersyukur dan berterima kasih kerana didatangi saudara mata, rakan dan badan bukan kerajaan (NGO) ketika berdepan kesukaran itu (Zaidi Mohamad, 2022). Menerusi temubual Yantzen bersama Metro Harian, beliau berkata apa yang dilalui ketika kejadian banjir hingga memusnahkan harta bendanya adalah takdir sudah ditetapkan Yang Maha Esa dan kejadian bencana itu berlaku sangat pantas. Namun begitu, beliau tetap bersyukur kerana tidak berasa trauma dan fobia selepas kejadian yang menimpa malah beliau kekal tenang apabila pulang ke rumah selepas kejadian yang melanda (Norhayati Nordin, 2022).

Sekarang Yantzen masih terus menerima jemputan nyanyian meskipun beliau diuji dengan sedikit masalah kesihatan. Beliau bersama lapan vokalis kumpulan rock terkemuka tanah air bakal beraksi satu pentas untuk menghadiahkan pengalaman berharga kepada pencinta muzik menerusi Konsert Semangat Zaman Ulang Tahun Ke-20 yang berlangsung di Zepp Kuala Lumpur pada 29 September 2023 (Affan, 2023). Konsert berskala besar itu bertujuan mengimbau nostalgia album Semangat Zaman yang diterbitkan pada 2004, dengan menampilkan nama-nama besar rockers tanah air. Ia membabitkan Datuk Nash daripada kumpulan Lefthanded, Joey (Bumiputera Rockers), Aris (Ariwatan), Yantzen (Rusty Blade), Rahmad (Mega), Jatt (Black Dog Bone), Muss (May) dan Bandi (Amuk). Terkini tular video berkenaan penyanyi legenda ini yang telah berusia 66 tahun menghiburkan orang awam bersama Bob Sentuhan Buskers di Bukit Bintang menarik perhatian ramai. Netizen kagum dan memuji nyanyiannya yang ternyata masih cukup berbisa (MyMetro, 2024).

7. METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah wawancara temubual secara mendalam beserta pengumpulan bahan-bahan informasi sekunder. Temubual mendalam ialah temu bual secara peribadi dan berstruktur. Temubual berstruktur pula menggunakan soalan pra-tetap. Temubual ini bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti emosi, perasaan dan pendapat Encik Yantzen Juniwani berkenaan sejarah kehidupan beliau. Terutama sekali kerana Encik Yantzen adalah seorang artis veteran yang sudah empat puluh tahun berkecimpung dalam industri seni, maka pengkaji berpendapat dengan menggunakan kaedah temubual secara bersemuka dan mendalam ini dapat membantu penulisan hasil kajian kami dengan lebih teliti.

Kelebihan utama temu bual secara peribadi ini ialah ia melibatkan hubungan peribadi dan langsung antara pengkaji selaku penemuduga dan orang yang ditemu bual adalah artis veteran Yantzen Juniwani. Dalam sesi temubual ini pengkaji telah dilatih dan dibekalkan dengan ilmu tentang kemahiran yang diperlukan untuk menjayakan sesi temubual. Walaupun kaedah temubual ini mungkin terdapat risiko bahawa temubual mungkin menyimpang daripada matlamat dan objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Dengan menggunakan kaedah wawancara ini, ini adalah cara formal untuk menemukan penerimaan artis atas pertanyaan yang diajukan berdasarkan bidang yang beliau ceburi, digambarkan sebagai percakapan terperinci antara dua orang atau lebih. Bagi pihak penyelidik, teknik wawancara terperinci atau mendalam sebegini adalah salah satu Teknik pengumpulan informasi yang paling efektif untuk mengumpulkan maklumat dan merekod segala data yang disumbangkan oleh tokoh yang ditemuduga.

8. HASIL KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, input yang kami perolehi adalah banyak kesan positif dan pengetahuan baru sepanjang proses menghasilkan penulisan kajian ini. Hal ini demikian kerana kami dapat meneliti dengan lebih terperinci dan mengenali dengan lebih dekat sosok seniman yang telah banyak berjasa dalam dunia hiburan rock suatu suatu ketika dahulu dan kini telah menjadi penyanyi legenda tanah air. Kajian ini juga membantu kami mendapatkan maklumat yang sahih yang dikeluarkan oleh empunya badan sendiri. Penyelidik menyedari setiap maklumat yang hendak dimasukkan ke dalam dokumen kajian ini mestilah maklumat yang sahih dan bukannya menambah maklumat yang boleh menyumbang kepada salah faham.

Penyelidik juga mengetahui setiap maklumat tentang artis yang kami pilih ini tidak semua boleh didapati di internet malah ada juga yang tidak sahih. Pada era hari ini meskipun semuanya di hujung jari sahaja untuk mengakses maklumat di internet dan walaupun maklumat di internet dapat menyediakan jutaan artikel dalam pelbagai topik yang meluas kepada pengguna Internet dan kebiasaannya muncul sebagai keputusan pertama dalam enjin carian, namun kredibiliti dan kebolehpercayaan terhadap sesetengah maklumat sering dipersoalkan untuk dijadikan sumber rujukan bagi dokumen berilmiah atau akademik. Sesetengah artikel sangat berkualiti manakala ada sesetengah yang lain hanyalah data yang tidak sahih semata-mata. Jadi, kami sendiri sebagai penyelidik dan pengguna sedar bahawa pentingnya untuk kami peka dengan maklumat manakah yang benar dan yang mana adalah rekaan.

Kajian ini hanya menjurus kepada kajian tokoh dalam salah satu genre seni muzik di tanah air iaitu muzik rock yang mula popular di Malaysia sekitar tahun 1980. Hasil kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu latar belakang peribadi tokoh, penglibatan beliau dalam dunia seni muzik rock serta pencapaian beliau dan akhirnya cabaran yang beliau hadapi dalam dunia seni muzik.

8.1 Latar Belakang Peribadi Tokoh

Encik Yantzen dilahirkan di Singapura pada tahun 1958 dilahirkan di Kota Singa di Singapura dan dibesarkan di sana sehingga tahun 1990. Ibu bapa tokoh ini berasal dari Bukit Tinggi, Sumatera dan setelah berkahwin mereka berhijrah ke Singapura. Nama bapanya Juniwan Bin Abbas, dan ibu ialah Hajah Rosmah. Mereka melahirkan dan membesarkan anak-anak di Singapura. Ibunya seorang tukang masak yang hebat dan pernah bekerja sebagai ketua tukang masak di restoran di Singapura manakala bapanya melibatkan diri dalam perniagaan. Beliau merupakan anak bongsu daripada empat orang adik beradik. Kakaknya yang sulung berhijrah ke Jakarta selepas berkahwin, manakala abangnya yang kedua adalah seorang profesor dan menetap di London dalam bidang sains teknologi. Abangnya yang ketiga dari dulu sampai sekarang masih menetap di Singapura dan Encik Yantzen sendiri setelah berhijrah ke Malaysia, terus menetap dan berkeluarga di sini.

Encik Yantzen mendidik pendidikan di Singapura iaitu di sekolah rendah *Strath More Primary School* dan pendidikan menengah di *Commonwealth Secondary Schoo*. Beliau menyambung pelajar ‘O level’ di *Cambridge Singapore*. Remaja berumur 18 tahun di Singapura diwajibkan memasuki latihan ketenteraan maka beliau juga tidak terkecuali. Beliau mendapat pengajian asas ketenteraan sebelum memasuki bidang teknikal kejuruteraan dan setelah tamat pengajian beliau cuba berjinak dengan bidang perniagaan perbekalan alatan elektronik. Beliau pernah mendirikan rumah tangga dengan seorang pelakon tempatan iaitu Sharifah Haslinda atau nama penuhnya Sharifah Noorazleenda binti Syed Abu Bakar Al-Khaired. Mereka kemudiannya berpisah pada tahun 2004 dan dikurniakan seorang anak lelaki yang kini telah meningkat dewasa. Yantzen kini lebih selesa hidup sendirian dan beliau kini mendirikan sebuah rumah di Hulu Langat.

8.2 Kerjaya Seni dan Pencapaian Tokoh

Encik Yantzen dilahirkan dalam keluarga yang bukan berdarah seni namun beliau minat menyanyi dan bapa beliau seorang yang pandai bermain alat muzik harmonika. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang nyayian semasa berusia 20an, menyanyi bersama rakan-rakan di kawasan berdekatan rumah beliau di Singapura dalam majlis perkahwinan sebagai kumpulan muzik kugiran atau hiburan kecil-kecilan. Kemudian beliau menjadi penyanyi bagi kumpulan *Rusty Blade* pada sekitar tahun 1980 dan kumpulan ini menjadi agak terkenal di Singapura pada 1982. Selepas itu beliau menjadi vokalis kumpulan *Sweet Charity* dan kumpulan ini pernah mewakili Singapura dalam ‘Pop Festival 1982’ dengan mendapat sambutan yang amat baik daripada para peminat. Beliau banyak menghasilkan album semasa bersama dengan kumpulan *Rusty Blade* dan seterusnya kumpulan ini membuat persembahan jelajah ke seluruh Malaysia. Kumpulan ini sentiasa mendapat sambutan yang hangat dengan tiket persembahan yang habis dijual dan peminat memenuhi ruangan konsert.

Artis veteran ini berhijrah ke Malaysia pada tahun 1990 selepas menutup kedai kaset beliau di Singapura dan mula merakam album solo beliau yang pertama berjudul *Insan* yang pernah menduduki carta 10 dalam TV3. Sebagai penyanyi rock, beliau meminati dan mendapat inspirasi daripada penyanyi *Klaus Meine* daripada ‘*Scorpion*’ manakala beliau juga kagum dengan artis baru seperti Aiman Tino (Mohammad Aiman Yusri) dan Lan Typewriter (Nor Azlan Rosle). Yantzen juga pernah menjadi vokalis kumpulan *May* selama beberapa tahun dan beliau sempat merakam album pertama dengan *May* yang dirasakan beliau amat mantap dengan lagu paling popular “Meniti Suratan”, iaitu lagu yang dimasukkan untuk filem ‘Penyu’. Pada tahun 2020, beliau juga merupakan antara 14 peserta Gegar Vaganza musim ketujuh.

8.3 Cabaran Dihadapi Tokoh Sebagai Artis

Yantzen merasakan cabaran semasa pandemik Covid-19 adalah antara yang memberikan kesan kepada penyanyi seperti beliau. Sepanjang dua tahun tempoh pandemik beliau kehilangan mata pencarian seperti artis lain juga. Beliau juga menambahkan pendapatan dengan menghasilkan produk syampu, minyak wangi, dan losyen berdasarkan *essential oil*. Namun perniagaan ini tidak mampu beliau promosikan di media sosial atas kekurangan ilmu dan kemahiran dalam mengendalikan media sosial seperti Facebook dan Instagram.

Cabaran lain adalah apabila kurangnya royalti yang diberikan kepada penyanyi atas penjualan album lagu mereka berdasarkan kemampuan jualan album tersebut. Artis biasanya tiada caruman dalam EPF (*Employees Provident Fund*) dan tiada sebarang bentuk bonus seperti pekerjaan lain. Artis berkarya dan bekerja keras dengan harapan supaya peminat memberikan sokongan termasuklah sokongan dari segi membeli album.

Harapan Yantzen kepada industri seni tanah air ialah agar industri muzik itu tidak dimatikan. Teruskan usaha sama ada di peringkat kerajaan atau persendirian untuk memperkembangkan seni di Malaysia. Sebagai contoh yang beliau berikan ialah ASWARA (Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan) dalam usaha memperkenalkan seni Malaysia ke peringkat antarabangsa. Beliau juga berharap artis-artis veteran tidak dilupakan dan masih ada peminat tersendiri walaupun dengan adanya kemunculan artis-artis baru yang populariti mereka lebih ketara dengan penggunaan media sosial sebagai wadah hiburan.



Gambar 1: Encik Yantzen Bin Juniwan

9. KESIMPULAN

Penyelidik merasa amat berbesar hati kerana telah diberikan peluang dalam merasai pengalaman yang amat berguna dalam proses menyelidik dan mengkaji sejarah kehidupan dan keringat seorang figura yang dihormati dan sangat merendah diri iaitu permata rocker lagenda tanah air Yantzen Juniwan. Tidak terkata ucapan terima kasih kami kepada beliau asbab keizinan beliau berkongsi maklumat-maklumat tentang latar belakang, keluarga, pendidikan, kerjaya, pencapaian, perkembangan dan harapan serta nasihat beliau kepada kami. Sungguh empat dekad adalah bukan suatu masa yang pendek. Setiap hujahan yang diberikan oleh beliau ini membantu kami melengkapkan kajian ini tambahan pula kami berpeluang menggunakan kaedah temubual mendalam dalam usaha mendapatkan maklumat dan data beliau dan banyak juga maklumat-maklumat yang diperolehi tentang beliau telah melalui pembacaan dari sumber yang diyakini seperti artikel, akhbar dan majalah sebagai usaha memperoleh data yang tulus.

Akhir penulisan, kajian ini juga telah membuka minda kami sebagai penyelidik tentang perlunya kita mengingati mereka yang pernah menghiburkan kita dalam seni mereka yang tersendiri. Seni adalah meluas, ada seni halus, seni lukis, seni logam, seni nyanyian, seni lakonan, dan pelbagai lagi. Kesemua ini adalah bakat yang telah dianugerahkan daripada tuhan kepada mereka. Maka wajarlah kita menghargai seni mereka. Begitu juga dengan artis pilihan kami iaitu Yantzen Juniwan, di usianya yang telah menjangkau setengah abad perasaan terharu terlukis di wajahnya apabila melihat ada lagi yang mengingati beliau sebagai insan yang pernah menghiburkan Malaysia dengan alunan suara rocker beliau suatu ketika dahulu. Bukan itu sahaja, ia juga telah memberi kami pengajaran untuk terus menyokong dan menghargai jasa-jasa seniman dan seniwati di Malaysia yang kebanyakannya tidak diendahkan apabila zaman kegemilangan mereka sudah berlalu.

Anak muda pada masa kini seharusnya lebih mengambil tahu tentang seniman dan seniwati tanah air yang dahulunya banyak mengangkat industri hiburan kita tanpa disedari. Harapan kami adalah, rancangan televisyen di Malaysia sewajarnya membuat program siaran khas dengan menjemput lebih ramai artis veteran sebagai tanda penghormatan dan memperingati jasa mereka. Kami yakin bahawa harapan yang kami tulis ini adalah harapan mereka juga kerana jauh disudut hati mereka masih utuh jiwa seni mereka dan rindu untuk beraksi kerana umur bukan penghalang untuk menyerlahkan bakat yang mereka perolehi, disamping itu mereka juga dapat mencari sumber pendapatan walaupun telah lanjut usia, ada antara mereka yang kian lama menyepi dan gusar untuk muncul kembali pada masa yang sama kami yakin bahawa diluar sana terdapat ramai lagi penggemar-penggemar mereka menantikan kemunculan mereka. Sebagai contoh kemunculan Yantzen Juniwan di rancangan television terbitan astro Gegar Vaganza dengan hastag "Yantzen is Back" telah memberi impak yang luar biasa kepada penggemarnya.

RUJUKAN

- Abd Azis, M. H. B., & Isam, H. (n.d.) Expression of music culture in Malaysia and Indonesia: Analysis of musical aspects. *Turkish Journal of Physiotherapy and Rehabilitation*, 32, 3.
- Abdul Rahman, R. (2020, Januari 2) Mus buka buku baru, lupakan kisah lama. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/01/531391/mus-buka-buku-baru-lupakan-kisah-lama>
- Affan Rostam (2023, July 11). Lapan otai rock gegar Konsert Semangat Zaman. BHOnline. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/07/1125008/lapan-otai-rock-gegar-konsert-semangat-zaman>
- Aiman. (2021, October 24). Watak Kecil Beri Impak Besar, Mus May Kongsi Pengalaman Bekerja Dengan Mamat Khalid. VOCKET. Retrieved from: <https://www.thevoocket.com/watak-kecil-beri-impak-besar-mus-may-kongsi-pengalaman-bekerja-dengan-mamat-khalid/>
- Berita Harian (2021, December 26). Rindu roker Yantzen terhadap anak di Yaman. Berita Harian. Retrieved from <https://www.beritaharian.sg/uncategorized/rindu-roker-yantzen-terhadap-anak-di-yaman>.
- Fatin Farhana Ariffin (2021, December 24). Sayang rumah, Yantzen tak mahu pindah. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/12/903467/sayang-rumah-yantzen-tak-mahu-pindah>.
- Farihad Shalla Mahmud & Serimah Mohd Sallehuddin (2021, August 2). Artis veteran susut nilai. Berita Harian .Retrieved from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>.
- Ferrarese, M. (2016). Southeast Asian glamour: the strange case of rock kapak in Malaysia. In *Global Glam and Popular Music* (pp. 232-244). Routledge.
- Freeda Hassan (2020, October 3). Dua tiga kali tolak sertai Gegar Vaganza, Yantzen akhirnya masuk gelanggang GV7. Berita Mediacorp. Retrieved from <https://berita.mediacorp.sg/hiburan/dua-tiga-kali-tolak-sertai-gegar-vaganza-yantzen-akhirnya-masuk-77221>.
- Feride Hikmet Atak (2012, October 3). Yantzen Amalkan Berenang Untuk Stamina. mStar. Retrived from <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2012/10/04/yantzen-amalkan-berenang-untuk-stamina>.
- Fiza Kamarudin (2020, November 29). Kecundang Di Pentas Suku Akhir, Yantzen "Cool, #Staycute.gempak.com. Retrieved from <https://gempak.com/berita-terkini/kecundang-di-pentas-suku-akhir-yantzen-cool-staycute-44362>.
- Hashim, Q. (2018, September 11). Dah 50 tahun, tak boleh terlalu lincah" - Mus (May). <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2018/09/11/mus-may>
- Haryani Ismail (2022, January 23). Ruang "rocker" Yantzen rai nostalgia, buru ilmu baru. Berita Harian Sg. Retrieved from <https://www.beritaharian.sg/uncategorized/ruang-rocker-spura-yantzen-rai-nostalgia-buru-ilmu-baru>.
- Ibrahim, Z. (2015). Disciplining Rock Music and Identity Contestations: Hybridization, Islam and New Musical Genres in Contemporary Malaysian Popular Music. Institute of Asian Studies, Universiti Brunei Darussalam.
- Johar, J. (2020, Disember 16). Cliff layak menang... nasib baik saya dapat tempat kedua GV7, kalau tak tentu frust teruk!" - Mus May. Mstar. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2020/12/16/cliff-layak-menang-nasib-baik-saya-dapat-tempat-kedua-gv7-kalau-tak-tentu-frust-teruk---mus-may>
- Juris, A., Hazmi, A. H., Rafedzi, E. R. K., & Jali, J. M. (2024). Irama muzik kercong: Warisan seni muzik Melayu yang kian dilupakan. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia*, 2.
- Liew, K. K., & Fu, K. (2006). Conjuring the tropical spectres: heavy metal, cultural politics in Singapore and Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies*, 7(1), 99-112.

- Mahmud, F.S. (2024, Februari 8). Sembilan vokalis rock kapak gegar Bukit Bintang. BH Online. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2024/02/1210136/sembilan-vokalis-rock-kapak-gegar-bukit-bintang>
- Mohd Azam, S. (2015). Analisis Melodi dan Seni Kata Lagu Terbaik Industri Muzik Malaysia, Indonesia dan Singapura tahun 2013: Analysis of the Melody and Lyrics of the Best Songs from Malaysia, Indonesia and Singapore in 2013. Malaysian Journal of Music, 4(2), 91-116.
- MyMetro (2024, September 23). Meremang dengar suara Yantzen – peminat. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/rap/2024/09/1136732/meremang-dengar-suara-yantzen-peminat>
- Norhayati Nordin (2022, January 6). Banjir Hulu Langat sejarah takkan dilupakan Yantzen. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/rap/2022/01/796947/banjir-hulu-langat-sejarah-takkan-dilupakan-yantzen>.
- Norhayati Nordin (2022, January 12). Yantzen tetap syukur. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/rap/2022/01/799407/yantzen-tetap-syukur>.
- Nor Asyikin Mayudin (2020, November 29). Persembahan dipuji tapi gagal ke separuh akhir GV7, peminat mahu Yantzen diselamatkan dengan imuniti. mStar. Retrieved from <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2020/11/29/persembahan-dipuji-tapi-gagal-ke-separuh-akhir-gv7-peminat-mahu-yantzen-diselamatkan-dengan-imuniti..>
- Rahman, M. L. A. (2011). Mek Mulong: antara persembahan dan ritual perubatan di Malaysia. SOSIOHUMANIKA, 4(1).
- Saffian, K. A., Noor, K. D. M., & Ann, Y. P. (2016, November). What's up indie? The Malaysia context. In Empowering society: Transdisciplinary research in the performing arts. Proceedings of the 2nd International Music & Performing Arts Conference (pp. 165-170).
- Saidon, Z. L., & Shah, S. M. (2015). Penilaian dan pensijilan bagi muzik tradisional Malaysia berdasarkan model peperiksaan muzik bergred antarabangsa: Assessment and certification of traditional Malaysian music based on the international graded music exam model. Malaysian Journal of Music, 4(1), 47-66.
- Zaidi Adnan (2020, September 22). Mus, Yantzen, Noraniza Idris bakal berentap dalam GV7.Edisi 9. Retrieved from <https://www.edisi9.com.my/2020/09/gv7-tampil-mus-may - yantzen-noraniza-idris/>